



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
ENTREPRENEURSHIP AND
MANAGEMENT PRACTICES
(IJEMP)**
www.ijemp.com



PRINSIP ‘AMAL SOLEH DALAM ETIKA KERJA ISLAM: SATU ANALISIS KONSEPTUAL

THE PRINCIPLES OF 'AMAL SOLEH (GOOD DEEDS) IN ISLAMIC WORK ETHICS: A CONCEPTUAL ANALYSIS

Mohamad Khadafi Rofie ^{1*}, Nurakmal Ahmad Mustaffa², Mayram Zulkifli³, Nor Hanani Ismail⁴,
Malina Zulkifli⁵, Amirul Haziq Abd. Kadir⁶

- ¹ School of Languages, Civilisation & Philosophy, College of Arts and Sciences, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok Kedah
Email: khadafi@uum.edu.my
- ² School of Quantitative Sciences, College of Arts and Sciences, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok Kedah
Email: nurakmal@uum.edu.my
- ³ School of Languages, Civilisation & Philosophy, College of Arts and Sciences, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok Kedah
Email: maryam_zulkifli@ahsgs.uum.edu.my
- ⁴ School of Languages, Civilisation & Philosophy, College of Arts and Sciences, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok Kedah
Email: norhanani@uum.edu.my
- ⁵ School of Quantitative Sciences, College of Arts and Sciences, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok Kedah
Email: malina@uum.edu.my
- ⁶ School of Quantitative Sciences, College of Arts and Sciences, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok Kedah
Email: ammirul.haziqq@gmail.com
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.04.2023

Revised date: 20.05.2023

Accepted date: 21.06.2023

Published date: 27.06.2023

To cite this document:

Rofie, M. K., Mustaffa, N. A.,
Zulkifli, M., Ismail, N. H., Zulkifli,
M., & Abd. Kadir, A. H. (2023).

Abstrak:

Kertas kerja ini mempunyai dua tujuan utama. Pertama, menganalisis pandangan ulama berkaitan prinsip ‘amal soleh. Kedua, merumuskan prinsip ‘amal soleh dalam etika kerja Islam. Islam merupakan agama yang syumul. Panduan yang diberikan meliputi semua aspek kehidupan termasuk akhlak dalam pekerjaan. Etika dan akhlak mempunyai persamaan, walaupun hakikat terasnya adalah amat berbeza. Namun begitu, dalam kertas kerja ini istilah etika digunakan kerana menjadi istilah petunjuk di setiap organisasi pekerjaan. Etika kerja secara istilahnya tidak ditemui dalam al-Quran, namun ‘amal soleh boleh diberi persamaan dengan etika kerja. Dari itu, prinsip ‘amal soleh boleh dibincangkan sebagai satu prinsip etika kerja Islam. Persoalannya bagaimanakah pandangan ulama berkaitan prinsip ‘amal soleh? Seterusnya,

Prinsip 'Amal Soleh Dalam Etika Kerja Islam: Satu Analisis Konseptual. *International Journal of Entrepreneurship and Management Practices*, 6 (21), 223-232.

DOI: 10.35631/IJEMP.621018

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



bagaimana prinsip 'amal soleh boleh dibincangkan dalam konteks etika kerja Islam? Kertas kerja ini berhasrat menjawab kedua-dua persoalan tersebut menerusi analisis kandungan terhadap beberapa literature. Bagi persoalan pertama, kertas kerja ini menemukan 10 elemen yang terkait dengan 'amal soleh. Bagi persoalan kedua, kertas kerja ini merumuskan 10 elemen 'amal soleh dalam konteks etika kerja Islam.

Kata Kunci:

'Amal Soleh, Etika Kerja Islam, Akhlak, Pekerjaan

Abstract:

This paper has two main purposes. First, to analyze the views of scholars regarding the principles of 'amal soleh. Second, to formulate the principles of 'amal soleh in Islamic work ethics. Islam is a holistic religion. It covers all aspects of life, including work morals. Although ethics and morals are similar, they are very different in essence. In this paper, the term ethics is used because it is a guiding term in every work organization. The term work ethics is not found in the Qur'an, but 'amal soleh is analogous to work ethics. Thus, the principle of 'amal soleh can be discussed as a principle of Islamic work ethics. The question is, how do scholars view the principles of 'amal soleh? Next, how can the principles of 'amal soleh be discussed in the context of Islamic work ethics? This paper aims to answer both questions through content analysis of some literature. For the first question, this paper found 10 elements related to 'amal soleh. For the second question, this paper concluded 10 elements of 'amal soleh in the context of Islamic work ethics.

Keywords:

'Amal Soleh, Islamic Work Ethics, Morals, Work

Pendahuluan

Etika kerja Islam adalah merujuk kepada suatu set nilai atau sistem kepercayaan yang diambil daripada al-Quran dan al-Sunnah mengenai kerja (Shukri & Razali, 2001). Islam adalah satu cara hidup yang menyeluruh, bersifat fitrah dan bersifat pertengahan. Islam juga ialah agama yang menggalakkan manusia bekerja (Mustafa Daud, 1994). Al-Quran dan al-Sunnah itu sendiri telah mencirikan budaya kerja Islam yang berbeza dengan budaya kerja lain secara ketara (al-Buraey, 1992).

Dalam kertas kerja ini dibincangkan etika kerja yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah. Dalam al-Quran tidak banyak ayat dan perkataan yang merujuk secara langsung kepada etika kerja. Terdapat perkataan yang membawa maksud "etika kerja" dalam al-Quran misalnya *'amal saleh* yang boleh diterjemahkan sebagai "kerja yang beretika dan baik", namun ia tidak menyentuh secara tepat kepada etika kerja (Shukri & Razali, 2001). Dari itu, prinsip amal soleh boleh dibincangkan sebagai satu konsep dalam prinsip etika kerja Islam. Persoalannya bagaimanakah pandangan ulama berkaitan prinsip amal soleh? Seterusnya, bagaimana prinsip amal soleh boleh dibincangkan dalam konteks etika kerja Islam?

Bagi kajian etika kerja Islam menurut al-Quran dan al-Sunnah, kajian-kajian berbentuk teoritikal lebih memfokuskan penelitian tentang etika kerja Islam seperti prinsip, nilai, ciri-ciri

dan sebagainya sebagaimana yang terkandung di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Terdapat penumpuan khusus dan umum dalam kajian teoritikal mengenai etika kerja Islam. Penumpuan khusus kajian etika kerja umpamanya kajian yang menjurus kepada bidang perniagaan, seperti kajian Mushtaq Ahmad (1983), yang meneliti pandangan al-Quran tentang konsep etika perniagaan, konsep dan etika mengumpulkan harta kekayaan serta prinsip-prinsip asas konsep perniagaan yang dibenarkan oleh Islam.

Sementara itu, Mahmud Muhammad Babilly (1990), pula telah melakukan penelitian melalui sumber al-Sunnah terhadap etika kerja perniagaan Islam. Selain itu, Nik Roskiman Abdul Samad (2003), telah mengenal pasti lapan prinsip nilai terhadap kualiti etika kerja yang perlu dimiliki oleh para pengurus dan pentadbir Muslim iaitu bertanggungjawab, adil, baik, jujur, taat, cekap, sederhana dan berbuat kebajikan.

Terdapat juga kajian berkaitan etika yang meneliti pemikiran tokoh-tokoh sarjana Islam. Umpamanya, Kajian Ketokohan Ibn Miskawyah melalui pemikiran etika yang telah mendapat pengiktirafan para sarjana Timur dan Barat sebagai satu pembentukan falsafah etika yang kukuh dalam bidang etika. (Mohd Nasir Omar, 2003). Begitu juga Suwito (2004), yang mengkaji falsafah etika Ibn Miskawyah yang menggandingkan perletakan syariat serta falsafah.

Pengkajian tentang etika kerja Islam tidak hanya tertumpu pada konsep dan pemikiran tokoh sahaja ia juga menfokuskan pada peranan dan kepentingan etika kerja Islam. Umpamanya, kajian yang dilakukan oleh Ahmad Bashir @ Zolmat Aziz (2005) telah mendapati bahawa etika Islam telah memainkan peranan yang penting terhadap pembentukan budaya pengurusan menyeluruh menurut perspektif Islam. Begitu juga dengan kajian Nor 'Azzah Kamri (2002) yang mendapati bahawa etika Islam memainkan peranan sebagai satu alternatif dalam membentuk penghidupan manusia yang terbaik dari sudut penghidupan individu, kekeluargaan dan masyarakat.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Shukri Ahmad (1993) pula adalah kajian perbandingan etika kerja daripada perspektif agama dan budaya seperti etika kerja Kristian (Protestant), etika kerja Confucius, etika kerja Korea (Buddha) dan etika kerja Jepun (Shintoisme). Perbandingan antara etika ini dilakukan dari segi falsafah, sumber, nilai-nilai utama dan sebagainya. Begitu juga dengan Wan Sabri Wan Husin (2001), yang juga telah melakukan kajian perbandingan antara etika kerja Islam dan etika kerja barat dari sudut falsafah, prinsip, nilai dan matlamat.

Seterusnya kajian-kajian yang meneliti pelaksanaan etika kerja Islam di institusi terpilih. Kajian oleh Siti Arni Basir, Nurul Syafiyah Mohd Noor, Mohamad Zaidi Abd Rahman & Monika @ Munirah Abd Razzak (2016) meneliti pelaksanaan etika kerja Islam di Johor Corporation atau JCorp. Kajian Nur Nasliza Arina (2018) membincangkan pelaksanaan etika kerja Islam di organisasi perhubungan awam. Kajian Mohamad Ridhuan Mat Dangi, Nik Anis Idayu Nik Abdullah & Nurul Ezhawati Abdul Latif (2016) meneliti pelaksanaan etika kerja Islam yang terdapat di organisasi terpilih. Sutera Manis Zamzam, Hainnur Aqma Rahim & Mohamed Fairouz Abdul Khir (2020) pula meneliti amalan etika kerja Islam dan hubungkaitnya dengan budaya di organisasi.

Selain itu, kajian terhadap keberkesanan etika kerja Islam dalam organisasi atau institusi seperti kajian Enida Daud, Low Hock Heng & Ahmad Muhyuddin Hassan (2019) misalnya yang

meneliti konsep niat dalam etika kerja Islam berupaya menjadi penghalang seseorang pekerja menerima rasuah. Kajian Muhamad Zaki Mustafa, Mohd Faizal Kasmani, Mohd Yahya Mohamed Ariffin & Khairunneezam Mohd Noo (2020) menunjukkan perkaitan etika kerja Islam dalam pekerjaan awam dengan hubungkaitnya dengan media sosial. Seterusnya Nur Hafizah Eta Wahab (2021) menemukan bahawa amalan etika kerja Islam menyebabkan seseorang pekerja lebih memberi komitmen di organisasi. Manakala kajian oleh Mohd Fauzwadi Mat Ali & Muhammad Ahmad (2021) mendapati integriti ketua dan religiositi mempengaruhi etika kerja Islam secara signifikan. Kajian Kee.Y.Sabariah & Ag Mohd Ruslaimie (2020) menemukan bahawa etika kerja Islam memberi kesan terhadap kecerdasan emosi dan emotional labor dalam kalangan pihak pengurusan di sektor awam.

Metodologi

Kertas kerja ini menggunakan kaedah kepustakaan pada data yang boleh dicapai dan didapati serta dianalisis menerusi komputer atau daripada bahan perpustakaan tanpa melalui uji kaji secara empirikal (Sapsford & Jupp, 2006). Antara bahan-bahan yang dirujuk termasuklah kitab, buku, jurnal dan kertas kerja. Kitab-kitab yang dirujuk *Mu'jam al-mufahras li al-faz al-Quran al-Karim*, *Al-farq baina al-firaq*, *Salasiyah al-najah*, *Bahru al-mazy*, *Majmu' al-qayyim min kalam Ibn Qayyim*, *Fath al-bari bi-sharh sahih al-Bukhari*, *Al-tafsir al-kabir*, *Mahasinut ta'wil*, *Qawaid al-tabidith min funun mustholah al-hadith*. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan dengan mengeluarkan kata kunci yang menghubungkan dengan konteks perbincangan.

Dapatan

Akar kata bagi amal ialah '*amila*' yang bermaksud 'untuk mengerjakan sesuatu atau melakukan sesuatu kerja atau menjadi aktif' (Cowan Miltonj, 1980). Perkataan '*amal*' telah disebut dalam al-Quran sebanyak 320 kali. Perkataan '*amal saleh*' yang berhubung dengan '*iman*' pula disebut di dalam al-Quran lebih dari 72 kali (Muhammad Fuad, 1991). '*Amal Saleh*' disebut oleh Rasulullah SAW merangkumi segala perbuatan baik yang dianjurkan oleh syariat dan memenuhi tuntutan manusia dalam kehidupan mereka seharian (Khalil Saqar, 1997).

Demikian juga hubungan antara iman dan '*amal saleh*'. Walaupun iman dan amal bukanlah satu kesatuan tetapi amal merupakan satu cabang daripada iman (al-Baghdadi, t.th). Gandingan kedua perkataan ini ibarat bayang-bayang dengan objek. Kelaziman yang terdapat pada al-Quran apabila wujud sebutan iman di situ disebut juga '*amal saleh*'.

Bahkan setiap satu mewakili dan memberi maksud antara satu sama lain (Harun Nasution, 1986), sehingga perkataan '*as-Salehat*' turut memberi maksud iman menerusi amalan luaran (Tashihiko Izutsu, 1966).

Berasaskan pernyataan ini, maka sebahagian ulama mendefinisikan hakikat tauhid sebagai "membenarkan dengan hati, menuturkan dengan perkataan dan melakukan kerja dengan anggota badan" (Muhammad Naim Yasin, 1985). Nabi SAW juga telah bersabda:

Sesungguhnya setiap amalan itu berserta dengan niat, dan sesungguhnya setiap sesorang itu apa yang diniatkan, Sesiapa yang berhijrah kepada dunia untuk mendapat habuannya atau kepada wanita untuk dikahwininya, maka hijrahnya itu kepada apa yang dihijrahkan".

(HR Bukhari, Bab Kaifa Kana Badaa Wahyi: no 1)

Penyataan daripada Rasulullah SAW ini menunjukkan bahawa segala amalan manusia itu akan disertai dengan niat, sama ada niat beribadat atau sebaliknya (Marbawi, t.th.).

Ia juga menjadi bukti bahawa *amal saleh* itu lahir daripada keimanan seseorang dan seseorang yang beriman itu akan melakukan *amal saleh* bagi mendapatkan ganjaran pahala daripada Allah SWT seperti yang diimaninya (Ahmad, 1985).

Perkataan “orang-orang yang beriman dan beramal saleh” disebut berulang-ulang kali di dalam al-Quran dan turut diriwayatkan dalam al-Sunnah. Kefahaman daripada ayat ini ialah seseorang yang mengaku beriman masih disangsikan keimanannya sehingga dia memanifestasikan iman tersebut menerusi perbuatan atau kerja ‘soleh’. Dalam pada itu ayat al-Quran yang bermaksud: *Dan orang-orang yang beriman dan mengerjakan perbuatan baik, merekalah isi syurga, merekalah kekal di dalamnya.* (Surah al-Baqarah, 2: 82)

Menurut Hamka, terdapat lima elemen ‘salehat’ yang disebut oleh al-Quran iaitu menyembah Allah yang esa, berlaku ihsan kepada keluarga, kaum kerabat, anak yatim, orang-orang fakir miskin; bercakap baik dengan manusia; mendirikan sembahyang; dan mengeluarkan zakat (Hamka, 1982). Walau bagaimanapun, pengertian konsep *amal saleh* ini mencakupi bidang yang lebih luas daripada itu (Ibn Hajar, 1989).

Hasil daripada *amal soleh*, maka akan lahir konsep *al-falah* iaitu kejayaan. Konsep *al-Falah* dalam Islam tidak hanya memberi tumpuan kepada kejayaan di dunia semata-mata malahan juga untuk kejayaan di akhirat (Maududi, 1984). Islam menjelaskan bahawa hidup manusia di dunia akan bersambung ke alam akhirat dan kesejahteraan manusia yang hakiki pula ialah memenuhi tuntutan-tuntutan kesatuan rohani dan jasmani di dunia sekaligus menghasilkan kebahagiaan di akhirat. Ini bererti bahawa Islam mengenakan kaedah yang sama bagi mencapai kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat.

Bagi menyemai pembentukan *al-falah* kepada umat Islam daripada sudut rohani dan jasmani, Allah SWT telah memerintahkan mereka melaksanakan *amal saleh* yang terdiri daripada amalan-amalan yang dapat mendekatkan diri dengan Allah. Amalan tersebut seperti solat, puasa, zakat, haji dan sebagainya yang diniatkan kerana Allah. Misalnya ibadah solat ia pencetus, pengimbang, pelindung kepada umat Islam dan menjadi asas utama dalam pembentukan etika kerja yang dikehendaki oleh Islam. Kandungan amalan solat itu mengandungi pelbagai adab, tartib dan tarbiyah yang dapat membentuk jiwa pelakunya mencapai al-falah.

Seterusnya Allah juga menjelaskan hubungan antara *amal saleh* dengan ganjaran pahala. Allah SWT menyebutkan;

Sesungguhnya orang yang beriman dan mengerjakan amal saleh, sudah tentu kami tidak akan membuang sahaja pahala orang-orang yang melakukan perbuatan baik.
(Surah al-Kahfi, 18: 30)

Ayat di atas secara umum menjelaskan dan memberi jaminan bahawa ganjaran sama ada di dunia atau di akhirat akan diperoleh oleh perilaku-perilaku ‘soleh’. Ketekunan seseorang di dunia akan diberi ganjaran berupa kejayaan dalam mencapai kehendak dan keperluan hidup

manakala ganjaran di akhirat pula diberikan berupa syurga dan terlepas dari neraka (al-Razi, 1990).

Begitu juga dengan sebuah al-Sunnah yang dikeluarkan oleh al-Baihaqi yang bermaksud:

Malaikat kanan yang menulis segala amal soleh itu sebagai ketua atau pemerintah atas malaikat kiri yang menulis atas kejahatan. Maka apabila beramal seseorang akan satu amal soleh ditulis malaikat akannya sepuluh kebaikan. Apabila seseorang melakukan kejahatan maka malaikat kiri hendak menulis perbutan seseorang itu maka malaikat kanan akan berkata nanti dahulu (maka ditempo oleh malaikat kiri selama enam jam, di dalam masa itu jikalau pembuat kejahatan itu bertaubat akan diterima taubatnya, jika tidak akan ditulisnya satu kejahatan.

(HR al-Baihaqi: no 6748)

Oleh itu, *amal saleh* akan memberikan kepuasan kerja dan ganjaran sepertimana yang dinyatakan oleh Allah SWT di dalam al-Quran:

Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka Sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya Kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan.

(Surah al-Nahl, 16: 97)

Menurut al-Qasimi (1996), *amal saleh* akan membawa kepada keselesaan ketenteraman serta kepuasan pada diri manusia. Ia akan memenuhi dada dengan kesejukan kerana berasa puas dengan yakin dan merasa manisnya iman, ingin menemui apa yang dijanjikan oleh Allah berupa ganjaran dan reda dengan pemberian Allah.

Konsep *amal saleh* juga mempunyai hubungan rapat dengan konsep 'ilmu'. Secara logiknya seseorang yang hendak melakukan amal saleh mesti mengetahui cara untuk melaksanakannya iaitu dengan ilmu (al-Hamadi, 1997). Seorang yang disebut alim tidak akan diakui dan diiktiraf kealimannya kecuali setelah dia mempraktikkan tuntutan ilmu tersebut dengan beramal (Abu Urwah, 1988). Peranan ilmu itu amat besar, maka mengamalkannya juga adalah penting yang bagai suatu jihad. Sehubungan dengan itu, Allah telah menerangkan tentang peri penting orang Islam menjadi peneroka, penyelidik dan pentadbir kepada fenomena alam yang tersimpan berjuta rahsia (Faisal Othman, 1986).

Kesimpulannya, konsep amal saleh merupakan penggerak dan perangsang kepada orang Islam menghasilkan etika kerja yang membawa kecemerlangan yang memenuhi tiga elemen kerja iaitu komitmen, kepuasan kerja dan ganjaran. Konsep ini berupaya menukar sikap mereka daripada berfikiran keduniaan atau keakhiratan yang sempit kepada pemikiran di antara dunia dan akhirat.

Daripada perbincangan di atas dapat dirumuskan 10 elemen yang ditemui dalam prinsip amal soleh.

Jadual 1: 10 Elemen Yang Terhasil Daripada Prinsip Amal Soleh Yang Dibincangkan Oleh Ulama Turath

Elemen dalam prinsip amal soleh	Iman
	Niat
	tekun
	Haq Allah (ibadah)
	Haq manusia (ihsan)
	Falah (jasmani)
	Falah (kepuasan rohani)
	Teliti
	Ilmu
	Ganjaran akhirat

Daripada 10 elemen yang terdapat dalam amal soleh, maka 10 elemen ini boleh dibincangkan dalam konteks etika kerja Islam.

Jadual 2: Elemen Dalam Prinsip Amal Soleh Dalam Konteks Etika Kerja Islam

ELEMEN DALAM PRINSIP AMAL SOLEH	ELEMEN DALAM PRINSIP AMAL SOLEH DIBINCANGKAN KONTEKS ETIKA KERJA ISLAM
Iman	Rasa bertuhan dalam setiap perkerjaan
Niat	Bekerja dengan niat mendapat redha Allah dan menjalankan tugas sebagai hamba dan khalifah
Tekun	Sentiasa memohon bantuan Allah supaya tekun pada niat dan proses pekerjaan
Haq Allah (ibadah)	Menunaikan haq Allah dalam setiap pekerjaan
Haq manusia (ihsan)	Sentiasa memohon bantuan Allah bagi manunaikan hak manusia lain dalam setiap pekerjaan
Falah (jasmani)	Sentiasa memohon bantuan Allah bagi memenuhi KPI yang ditetapkan
Falah (kepuasan rohani)	Sentiasa memohon panduan dengan Allah dalam menunaikan pekerjaan, sentiasa bersyukur setiap hasilan pekerjaan, sentiasa bersabar dan berusaha dengan bantuan Allah dalam setiap proses pekerjaan.

Teliti	Sentiasa memohon Allah supaya dapat menunaikan pekerjaan dengan teliti dan sempurna
Ilmu	Sentiasa memohon dengan Allah agar ditambahkan ilmu dan sentiasa memohon bantuan Allah dalam usaha mencari ilmu bagi memberikan pekerjaan yang terbaik
Ganjaran Akhirat	Setiasa ingat pertemuan dengan Allah dalam setiap pekerjaan

Kesimpulan

Kesimpulannya, prinsip etika kerja Islam merupakan nilai yang terbentuk melalui acuan al-Quran dan al-Sunnah yang menjadi teras kekuatan dan kecemerlangan umat Islam untuk hidup dunia dan akhirat. Semoga umat Islam zaman kini dan akan datang akan terus membina khazanah ilmu dan hikmah dengan berpandukan kepada al-Quran dan al-Sunnah serta menjadikannya sebagai pegangan yang utuh untuk kehidupan di dunia serta mendapat ganjaran yang terbaik di akhirat.

Penghargaan

This research was funded by the Ministry of Higher Education of Malaysia under the Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) with reference code FRGS/1/2020/SSI0/UUM/02/12.

Bibliografi

- Al-Quran dan terjemahan rasm Uthmani*. (1418H). Madinah al-Munawwarah: Majma' Malik al-Fahd.
- Ab. Aziz Yusof. (2010). *Pengurus bertakwa memakmurkan syarikat*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Ab. Aziz Yusof & Ahmad Bashir Aziz. (2008). *Pengurusan perniagaan Islam, konsep isu dan perlaksanaan*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Ab. Rahim Ab. Hamid. (2002). *Hubungan antara elemen-elemen budaya organisasi, kepuasan kerja dan sistem kerja berpasukan di kalangan staf sokongan Bank Pertanian Malaysia*. Disertasi Ijazah Sarjana (tidak diterbitkan). Universiti Utara Malaysia.
- Al-Razi, Fakhru Din Muhammad bin 'Umar. (1990). *Al-tafsir al-kabir*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Al-Qasimi, Jamaluddin. 1996). *Mahasinut ta'wil*. Beirut: Dar Kutub al-Ilmiah.
- 'Abbas, 'Ali. (2001). Scaling an Islamic work ethic. *The Journal of Social Psychology*. 572-583.
- 'Abbas, 'Ali. (2008). Islamic work ethic: A critical review. *Cross Cultural Management: An International Journal*. 15 (1). 5-19. Emerald Group Publishing Limited.
- 'Abbas, J. 'Ali. (2005). *Islamic perspective on management and organization*. United Kingdom: Edward Elger.
- 'Abbas Mutawalli Hammadah. (1968). *Usul al-fiqh*. Kaherah: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah.
- Abboushi, S. (1990). Impact of individual variables on the work values of palestinian arabs. *International Studies of Managemant & Organization*. 20 (3). pp 53-68
- Abd Rahim Ahmad & Shahrul Bariah Md. Zain. (1990). *Pengurusan suatu sudut pandangan*. Kuala Lumpur: Nurin Publication.
- 'Abdul Rahman Badāwi. (1963). *Manāhij al-bahthi al-'ilmi*., Kaherah: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah.

- Abdul Aziz Mohamed. (1988, Jan-Jun). *Etika kerja*. Kertas kerja kursus jangka pendek perniagaan Islam. Modul II Pengurusan Tenaga Manusia.
- Abdul Aziz Mohamed. (1991). *Etika kerja*. Dlm. Sheikh Ghazali Abod & Zambry Abdul Kadir, *Pengurusan perniagaan Islam*. Shah Alam: Hizbi.
- ‘Abdul Baqy, Muhammad Fuad. (1991). *Mu’jam al-mufahras li al-faz al-Quran al-Karim*. Beirut: Dar al-Ma’rifah.
- Baghdadi. (t.th). *Al-farq baina al-firaq*. Bairut: Dar al-Afaq al-Jadidah.
- Mohamad Ridhuan Mat Dangi, Nik Anis Idayu Nik Abdullah dan Nurul Ezhawati Abdul Latif (2016). Reviving Government Service Delivery System in the Perspective of Islamic Work Ethics (IWEs) Framework: A Review on Work Ethics in Selected Agencies and Institutions Merangsang Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan Melalui Rangka Kerja Dalam Perspektif Etika Kerja Islam (IWEs): Kajian Etika Kerja. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 3(2), 139-154.
- Enida Daud, Low Hock Heng & Ahmad Muhyuddin Hassan (2019). Etika Kerja Islam Sebagai Pembolehubah Penyederhanaan Terhadap Niat Untuk Melakukan Rasuah di Kalangan Penjawat Awam Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor [Islamic Work Ethic as a Moderating Variable Against the Intention to Commit Bribery]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 20(1), 155-177.
- Ibn Hajar, Ahmad bin ‘Ali bin Hajar al-Asqalani. (1989). *Fath al-bari bi-sharh sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Kee.Y.Sabariah & Ag Mohd Ruslaimie (2020). Pengaruh Etika Kerja Islam Terhadap Kecerdasan Emosi Dan Emotional Labor Dalam Kalangan Pihak Pengurusan Di Sektor Awam Terpilih: The Influence of Islamic Work Ethics on the Emotional Intelligence and Emotional Labour among Selected Public Sector Management. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*, 31(2), 153-153.
- Khalil Saqar. (1997). *Salasiyah al-najah*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Maududi, Sayid Abu A’la. (1984). *Asas-asas akhlak gerakan Islam*. Ihsan Abdul Ghani (terj). KL. A.S Noordeen
- Muhamad Zaki Mustafa, Mohd Faizal Kasmani, Mohd Yahya Mohamed Ariffin dan Khairunneezam Mohd Noo (2020). Perhubungan Awam, Media Sosial, Etika Kerja Islam Serta Trend Penggunaan Media Sosial di Sektor Awam Kementerian di Malaysia. *ABQARI: Journal of Islamic Social Sciences and Humanity*.
- Muhammad Fuad Abdul Baqi. (1991). *Mu’jam mufahras li al-faz al-quran al-karim*. Beirut: dar al-Ma’arif.
- Marbawi, Mohamad Idris Abd Rauf. (1933). *Bahru al-mazy*. Kaherah: Matbaah Mustaffa al-Baby al-Halaby.
- Mohd Fauzwadi Mat Ali & Muhammad Ahmad (2021). Hubungan Integriti Ketua, Religiositi dan Etika Kerja Islam dalam Kalangan Kakitangan Sokongan [The Relationship Between Head Integrity, Religiosity, and Islamic Work Ethics among the Support Staff]. *International Journal of Contemporary Education, Religious Studies and Humanities*, 1(4), 65-80.
- Nur Nasliza Arina (2018). *Pengaplikasian etika kerja Islam oleh pengamal perhubungan awam di organisasi berteraskan Islam di Malaysia* (Doctoral dissertation, Tesis PhD (tidak diterbitkan). Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang).
- Nur Hafizah Eta Wahab (2021). Amalan Etika Kerja Secara Islam dan Hubungkait dengan Komitmen Staf di Sektor Perbankan. *Research in Management of Technology and Business*, 2(2), 64-75.

- Siti Arni Basir, Nurul Syafiyah Mohd Noor, Mohamad Zaidi Abd Rahman dan Monika @ Munirah Abd Razzak (2016). Peranan Pemimpin dalam Pelaksanaan Etika Kerja Islam: Kajian Kes di Johor Corporation (Jcorp). *Jurnal Usuluddin*, 44, 45-84.
- Sutera Manis Zamzam, Hainnur Aqma Rahim & Mohamed Fairouz Abdul Khir (2020). Hubungan budaya organisasi dan nilai Islam terhadap amalan etika kerja Islam (EKI) di kalangan penjawat awam di Malaysia. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 2(3), 1-15.